

21 OCT 1996

Ting-Rumah

PERSETUJUAN KERAJAAN NEGERI AKAN DIPEROLEHI SEBELUM PELAKSANAAN

IPOH, 21 Okt (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mendapatkan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri sebelum menetapkan harga baru rumah kos rendah, kata Menterinya Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Beliau berkata kementerian akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri mengenai harga baru itu yang akan melebihi RM25,000 seunit seperti yang ditetapkan sekarang berikutan adanya negeri-negeri yang tidak bersetuju untuk menaikkan kadar itu.

"Jika harga itu tidak dinaikkan mungkin rumah-rumah kos rendah hanya mampu dibina jauh dari pusat bandar dan ini tidak akan dapat mengatasi masalah perumahan golongan berpendapatan rendah di dalam bandar itu," katanya kepada pemberita selepas melawat kawasan parlimennya di sini. Ting adalah anggota Parlimen kawasan Gopeng.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang tidak bersetuju dengan cadangan untuk menaikkan harga rumah kos rendah.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penetapan harga rumah mengikut lokasi lebih logik dan realistik berikutan harga tanah semakin tinggi dan berbeza-beza mengikut lokasi iaitu di kawasan bandar atau luar bandar.

Ting berkata pembinaan rumah kos rendah jauh dari kawasan bandar belum tentu mempunyai permintaan.

Bagaimanapun, katanya, kementerian akan mendengar pendapat kerajaan-kerajaan negeri memandangkan mereka mempunyai kuasa ke atas tanah di negeri masing-masing.

"Mungkin kerajaan-kerajaan negeri mempunyai cadangan yang lebih baik untuk mengatasi masalah pembinaan rumah kos murah," katanya.

Beliau juga berkata sebanyak 223 pemaju didenda sejumlah RM719,000 pada tahun lepas kerana melanggar Akta Pemaju Perumahan 1966 dan Peraturan Pemaju Perumahan 1989.

Kebanyakan kes adalah berkaitan dengan iklan yang mengelirukan, pemaju tidak mempunyai lesen perniagaan dan tiada permit penjualan dan pengiklanan, katanya.

Kebanyakan kesalahan itu dibuat oleh pemaju di kawasan bandar seperti di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Baharu, kata beliau.

-- BERNAMA

HK AKD